

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 11 RABU 18 MACH, 1970

1390 رابو 10 محرم PERCHUMA

KEPUTUSAN "INTERVIEW" LAMBAT?

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam telah menafikan bertanggung jawab terhadap kelambatan dalam membuat keputusan ka-atas sebarang temuduga.

Penafian Surohanjaya Perkhidmatan Awam ini di-buat berikutan dengan satu tuduhan dalam akhbar mingguan Borneo Bulletin keluaran 28 Februari yang di-buat oleh sa-orang yang menchari pekerjaan dan berkata beliau belum lagi menerima keputusan tentang temuduga yang di-hadhi-nya beberapa waktu yang lalu.

Sa-orang penulis dalam akhbar Bintang Harian keluaran 9 Mach juga telah menulis dalam sajak-nya yang bertajok 'Interview'. Penulis itu telah menudoh Surohanjaya Perkhidmatan Awam hanya memilih chalun2 yang ada kaitan dengan keluarga.

Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam dalam satu kenyataan-nya yang di-terbitkan pada minggu lepas telah mensifatkan kedua2 tuduhan itu sa-bagai tuduhan tidak berasas dan mengelirukan.



Gambar menunjukkan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri di-ikut oleh isteri beliau kelihatan sedang turun dari kapal terbang yang membawa jemaah2 haji Brunei dari Labuan.

Beliau ada-lah di-antara 24 orang jemaah haji yang sampai ka-Brunei terlewat kira2 dua jam dari yang di-jadualkan.

Sa-ramai 105 orang jemaah haji dari rombongan yang terakhir telah tiba di-Labuan pada pagi hari Isnin dan di-bawa ka-Brunei dengan kapal terbang Sharikat Penerbangan Malaysia Singapura dalam empat penerbangan. Gambar2 dan berita lanjut ketibaan jemaah2 haji itu di-siarkan di-muka tengah.

Tamu mingguan di-Bandar Brunei akan di-adakan semula

BANDAR BRUNEI. — Tamu mingguan di-Bandar Brunei yang biasa-nya di-adakan pada tiap2 hari Khamis, Juma'at dan pagi Ahad akan di-buka semula seperti biasa mulai esok, 19 Mach.

Tamu tersebut telah di-batalkan sejak negeri ini di-ishtiharkan sa-bagai kawasan yang di-serang oleh penyakit kolera pada penghujung bulan Januari lepas.

Pegawai Daerah Brunei-Muara yang juga menjadi Pengerusi Lembaga Bandaran, Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim menyatakan bahawa tamu tersebut akan di-buka semula untuk menjual hasil2 tanam2an seperti sayur2an, ubi, buah2an dan lain2 jenis tumbuhan2an dan telur.

Beliau berkata, kueh-mueh atau sebarang makanan yang

sudah di-masak seperti jerok, belachan, kabor2, budu dan lain2 yang di-fikirkan boleh mendatangkan penyakit yang berjangkit tidak di-benarkan di-jual di-situ.

Semua penduduk2 kampung di-Daerah Brunei-Muara boleh-lah membawa hasil tanam2an mereka untuk di-jual di-tamu itu, kecuali penduduk2 yang tinggal di-Kampung Junjongan yang pada masa ini masih lagi di-ishtiharkan sa-bagai kawasan yang di-serang oleh penyakit kolera.

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis forum akan di-adakan di-Dewan Pusat Belia, Bandar Brunei pada 19 Mach esok mulai jam 8.00 malam.

Majlis itu di-anjorkan oleh Bahagian Seksi Ugama Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Tajok yang akan di-bincangkan dalam majlis forum

itu ia-lah 'Gerakan Belia dengan perkembangan ekonomi negara.'

Empat orang pencheramah akan mengambil bahagian dalam majlis tersebut.

Mereka ia-lah Yang Berhormat Haji Awang Abdul Aziz Umar, Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Awang Saman bin

66 lesen menebang kayu di-keluarkan

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Kehutanan setakat ini telah mengeluarkan sa-banyak 66 lesen dan surat2 kebenaran untuk menebang pohon2 kayu di-hutan2 bakau, bukit dan paya.

Pemangku Pemelihara Hutan Awang I. P. Tammworth ketika menyatakan demikian berkata, dari jumlah itu sa-banyak 28 di-Daerah Temburong; 19 Daerah Tutong; 17 di-Daerah Belait dan dua di-Daerah Brunei-Muara.

Kata-nya, kerajaan menu-buhkan sa-buah Lembaga Penasihat Lesen Kayu awal dalam tahun 1968.

Lembaga tersebut menasihatkan Pemelihara Hutan berhubungan dengan pengeluaran lesen2 dan permit2 itu.

Awang Tammworth berkata, kayu2 yang di-keluarkan dari hutan2 yang di-pajakkan tidak di-benarkan di-expot dalam bentuk balak.

Bagaimana pun, beliau menegaskan kayu2 balak seperti ramin dan kempas yang tidak boleh di-gunakan di-negeri ini, boleh di-expot ka-lain2 negeri.

Kayu ramin kebanyakannya di-gunakan untuk membuat kayu2 pengkor sementara jenis kempas sa-bagai kayu tapak landasan kereta api.

Majlis forum anjoran Majlis Belia Belia

Kahar dan Awang Umar bin Haji Seruddin.

Awang Mahmud Bakyr, dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei akan mempengerusikan majlis tersebut.

Orang ramai terutama-nya belia2 tanah ayer ada-lah di-persilakan hadir ka-majlis forum itu.

TAWARAN BIASISWA UNTUK IKUTI KURSUS PERTANIAN

BANDAR BRUNEI. — Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalon2 lelaki yang layak untuk mendapatkan biasiswa kerajaan bagi menjalani kursus di-Maktab Pertanian di-Malaysia Barat bagi tahun 1970/71.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, tidak lebeh dari lima tempat yang di-sediakan.

Kata-nya, bagi kursus diploma selama tiga tahun, chalon2 hendak-lah sekurang2-nya mempunyai Sijil Persekolahan seberang laut Pangkat Dua atau Sijil Pelajaran Malaysia dengan satu kelulusan bahasa kebangsaan, bahasa Inggeris dan mendapat satu kepujian dalam jurusan mathematics.

Bagi kursus permulaan selama satu tahun, chalon2 hendak-lah mempunyai Sijil Persekolahan Pangkat Tiga atau Sijil Pelajaran Malaysia, dengan satu kelulusan bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

Juruchakap itu berkata, ketutamaan akan di-berikan kepada chalon2 yang mempunyai kelayakan2 akademik yang datang dari satu latar belakang luar bandar, mempunyai kechenderongan dalam pertanian dan fashah dalam bahasa kebangsaan.

Apabila tamat dan berjaya dalam kursus permulaan, chalon2 itu layak meneruskan pengajiannya bagi tahun pertama kursus diploma.

Chalon2 hendak-lah menghantarkan permohonan-nya, hanya selepas keputusan peperiksaan Sijil Persekolahan telah lepas di-ketahui.

Permohonan2 hendak-lah di-hantarkan kepada Pegawai Biasiswa dan Kebajikan, Jabatan Pelajaran tidak lewat sa-puluh hari selepas di-keluarkan keputusan2 peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge dan Sijil Pelajaran Malaysia.

Chalon2 akan di-temuduga dalam bulan April hadapan.

Jalani kursus memandu hovercraft

BANDAR BRUNEI. — Dua orang anggota Askar Melayu Di-Raja Brunei semalam telah berlepas ka-United Kingdom kerana kursus latehan selama lima bulan.

Mereka ia-lah Captain Mohamed Hussain bin Haji Mohamed dan Sergeant Alias bin Mohamed Salleh.

Dalam masa dua bulan yang pertama, mereka akan di-tempatkan di-200 Hovercraft Squadron R.C.T. dan akan mengambil latehan pemandu pesawat hovercraft. Sa-telah itu, mereka akan mengambil kursus mengenai pelayaran di-Squadron Latehan Perkapalan ke-81, Gosport, Hants, England selama tiga bulan.

Mereka di-jangka pulang ka-tanah ayer dalam bulan Ogos tahun ini.

Pembinaan tembok di-Jalan Residency berjalan lancar

BANDAR BRUNEI. — Kerja membena tembok di-tebing sungai bagi menchegeh keruntuhan tanah di-sepanjang Jalan Residency di-Bandar Brunei di-sifatkan sa-bagai 70 peratus selesai.

Sa-orang juruchakap bagi sharikat Valentine, Lauire dan Davies pereka bentok projek itu berkata, kerja membena tembok itu berjalan dengan lancar dan ia-nya di-jadualkan siap dalam bulan Julai tahun ini.


Beliau berkata, kira2 tujuh ratus kaki lagi dari tembok yang di-chadangkan itu belum siap. Pemborong Sin Yen dan Rakan sekarang menjalankan kerja memasang pail di-sepanjang bahagian yang belum siap itu.

Juruchakap itu berkata, kerja memasang pail di-beberapa bahagian tembok yang telah siap itu telah pun selesai di-jalankan.

Apabila projek itu siap sungai itu akan di-tembok sepenuhnya dan bahagian2 rendah akan ditambah menjadi sama tinggi dengan bahagian yang tinggi.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya berkata, bila tembok itu siap nanti Jalan Residency akan di-bena semula dan di-perbaiki lagi.

Jalan itu akan di-bena di-sepanjang tembok itu, sa-lebar 22 kaki dengan mempunyai ruangan kosong bagi saloran ayer kotor, paip ayer dan lain2 perkhidmatan. Pembinaan jalan raya itu di-jadualkan siap dalam tahun 1971.



Gambar menunjukkan sa-kumpul-an pengakap2 dan guru pengakap dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong yang telah mengadakan perkhemahan di-Tasek Merimbun, Ulu Tutong baru2 ini.

Rombongan yang mengandongi 25 orang pengakap itu telah dipimpin oleh guru2 pengakap Awang Ajmain bin Jais dan Awang Azahari bin Iradat.

Perkhemahan yang di-adakan selama dua hari itu ia-lah untuk memberi peluang kepada pengakap2 itu bagi mempelajari berbagai2 perkara yang bersangkutan dengan pergerakan pengakap termasuk chara berkhemah.

Ahli2 J/K baru Pandu Puteri

BANDAR BRUNEI. — Puan Adair, isteri Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair, telah di-pilih semula sabagai Yang Di-Pertua Majlis Pandu Puteri Negeri Brunei.

Keputusan ini di-ambil dalam mashuarat agong majlis itu yang telah di-adakan di-Residency pada minggu lalu.

Mashuarat pada hari itu juga telah memutuskan akan mengadakan satu perjumpaan untuk menyambut Jubilee Intan pergerakan Pandu Puteri dalam bulan Jun hadapan.

Ia-nya juga bersetuju akan mengadakan pesta sokan tahunan yang akan di-adakan dalam bulan September tahun ini.

Lain2 ahli2 jawatankuasa yang telah di-pilih dalam mashuarat tersebut ada-lah saperti berikut:-

Naib Yang Di-Pertua — Puan S. D. Butler dan Mrs. B. R. Pudner; **Setia Usaha Agong** — Dayang Salmah bte Lamat; **Bendahari** —

Mrs. M. Cartland; **Pesurohjaya Negeri** — Dayang Jusnani bte Lawie; **Tim. Pesurohjaya Negeri** — Dayang Hajjah Zaharah bte Haji Idris; **Pesurohjaya Penyusun** — Dayang Zainon bte Abdul Latif; **Pesurohjaya Daerah Brunei** — Dayang Marhani bte Abdul Latif dan **Daerah Belait** — Dayang Kuan Poh Chee; **Pen. Pesurohjaya Daerah Brunei** — Dayang Hilda Au dan **Daerah Belait** — Mrs. Sulaiman; **Setia Usaha Daerah Brunei** — Dayang M. Somasundaram dan **Daerah Belait** — Mrs. William; **Pengerusi Persatuan Tempatan bagi Daerah Brunei** — Mrs. Ogilvy Stuart dan bagi **Daerah Belait** — Mrs. E. D. E. Sorby Adams.

Pasar ria untuk kutip derma

KUALA BELAIT. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait akan mengadakan satu temasha pasar Ria sa-bahagian daripada kegiatan-nya untuk menambahkan tabung derma bagi membiayai perbelanjaan majlis itu tahun ini.

Pasar Ria selama lima hari itu akan di-adakan di-gelang-

gang sokan di-Seria dari 1 hingga 5 April.

Lain2 kegiatan yang di-chadangkan oleh majlis itu ia-lah untuk mengadakan satu majlis tari menari di-Kelab Shell, tayangan filem mengutip derma di-panggung2 Roxana dan Capitol, satu perlawanan bola keranjang dan hari menjual bendera.

Sambutan awal Hijrah di-Tutong

TUTONG. — Sambutan awal Muharram 1390 akan di-adakan di-padang Bukit Bendera, Pekan Tutong pada 26 Mach ini mulai jam 7.30 malam.

Sambutan itu di-jadualkan akan di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh.

Di-antara achara2 yang akan di-persembahkan pada malam itu termasuklah bacaan kitab suci Al-Quran, membacha sajak, nashid dan peraduan bakhah yang hanya terbuka kepada ahli2 persatuan belia dan sekolah2 menengah di-Daerah Tutong.

Borang2 permohonan untuk menyertai peraduan bakhah itu boleh di-dapati dari Setia Usaha sambutan, Awang Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Mohammad Safar tidak lewat dari 19 Mach ini.

Berkursus di-K.L.

BANDAR BRUNEI. — Dua orang kaki tangan Jabatan Talikom Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat dengan kapal terbang untuk menjalani kursus mengenai 'overhead line plant' selama tiga minggu di-Pusat Latehan Talikom di-Kuala Lumpur.

Mereka ia-lah Awang Tahir bin Abdul Rahman dan Awang Damit bin Salleh.

KHUTBAH JUMA'AT

MENURUT pepatah orang tua2 kita bahawa jika malu bertanya sesat-lah jalan, malu berkayoh perahu hanyut dan dalam pengajaran agama kita pertanyaan memainkan peranan yang penting dalam menggali ilmu pengetahuan bahkan orang yang tidak berpengetahuan dan malu pula bertanya tentu-nya akan menyebabkan kekeliruan di-dalam hidup beragama.

Menurut suatu riwayat bahawasa-nya um-mul-mu'minin Saidatina Aishah pernah memuji perempuan2 Medinah dan berkata bahawa sa-baik2 perempuan2 ia-lah perempuan Ansar (Medinah) yang mana mereka tidak malu2 bertanya dalam perkara agama mereka.

Menyentuh riwayat ini ternyata kemajuan yang telah dicapai oleh perempuan2 Islam di-zaman silam yang mana mereka itu tampil ka-muka bersama2 dengan kaum lelaki untuk mengetahui dan mempelajari ilmu pengetahuan. Ini adalah suatu kemajuan yang benar2 berfaedah.

Wanita2 Islam di-zaman silam tidak malu2 bertanya mengenai dengan ilmu pengetahuan, tetapi jangan-lah pula difahamkan bahawa mereka itu tidak mempunyai sifat2 malu, kerana sifat malu mempunyai pengertian dan di-gunakan pada tempat2-nya.

Malu ia-lah perasaan yang mendasak sa-seorang supaya menghindarkan segala perbuatan yang keji dan melakukan segala perbuatan yang terpuji. Malu itu terbit dari hati atau dari jiwa yang menyedari akan nilai diri sendiri dan perchaya kapada penguasaan Allah atas segala perbuatan dan perkataan serta gerak hati, yang mana terbit daripada kesedaran dan keperchayaan itu sa-seorang akan terpelihara dzahir dan bathin-nya dari segala perbuatan2 yang boleh membawa kapada kemurkaan Allah.

Malu yang sedemikian ia-lah malu kapada Allah atau malu kerana Allah dan orang yang malu kerana Allah ada-lah bersifat takwa di-mana sahaja ia berada. Tetapi kalau malu kapada manusia atau malu kerana manusia maka malu yang sedemikian selalu mendatangkan kechelakaan kapada diri sendiri dan ia tidak mendatangkan takwa.

Dalam pada itu ada pula orang yang tidak mempunyai sifat malu lagi walau pun kapada manusia sendiri dengan melakukan perbuatan2 yang durjana atau pun menjulok mata, maka perbuatan seperti itu sudah terlalu melampaui batas.

"Ada orang yang tidak mempunyai sifat malu, walau pun kpd. manusia sendiri dengan melakukan perbuatan2 yang durjana atau pun menjulok mata"

Sifat malu akan sentiasa terpuji selagi ia menjadi pendurong jiwa untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan menurut batas agama serta tidak pula menyebabkan kehilangan hak atau kehormatan.

Oleh itu sifat perempuan2 Islam di-zaman silam tidak malu2 bertanya dalam menchapai ilmu pengetahuan adalah menurut batas2 agama. Sifat seperti ini patut-lah menjadi chuntoh dan ikutan khasnya di-zaman yang serba maju dalam ilmu pengetahuan.

Islam mempunyai dan mengutamakan adab dan tata tertib, baik dalam ibadat, dalam pergaulan mau pun dalam perhimpunan2 dan dalam segala tempat.

Dalam semua perkara ini sifat malu ada-lah memainkan peranan-nya yang penting, kerana itu menurut sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Bokhari bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

"Bahawasa - nya sa-tengah daripada yang di-dapati oleh manusia dari perkataan Nabi yang terdahulu ia-lah apabila engkau tidak malu, maka kerjakanlah apa sahaja yang engkau kehendaki."

Oleh itu ada-lah di-serukan supaya kaum Muslimin dan Muslimat agar mempunyai sifat malu menurut yang dikehendaki oleh agama dan jangan-lah salah faham pula da-

SIFAT MALU YANG PATUT DI-CHUNTOHI

PEMBETULAN

Sedikit kesilapan telah berlaku dalam Khutbah Juma'at yang di-siarkan dalam keluaran minggu lepas.

Ayat2 dalam para yang ke-empat hendak-lah di-baca seperti berikut:

"Ada pun maksud niat ia-lah untuk menyatakan perbezaan antara amal ibadat dengan pekerjaan **adat** atau menyatakan perbezaan antara jenis amal ibadat itu sendiri"

Dan tajuk Khutbah itu pula ia-lah 'Niat membezakan antara amal ibadat dengan pekerjaan **adat**', bukan-nya 'Niat membezakan antara amal ibadat dengan pekerjaan **ibadat**'.

SAMBUTAN AWAL MUHARRAM

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Ikatan Kampong Lurong Sikuna di-Kampong Ayer telah mengadakan satu majlis sambutan awal Muharram pada minggu lepas, bertempat di-bangunan Sharikat Kerjasama JKLS di-Kampong Lurong Sikuma.

Di-antara achara yang dipersembahkan ia-lah peraduan membacha Quran, sajak dan balth.

Yang Di-Pertua M.B.B.,

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin telah menyampaikan ucapan, semantara Awang Abdul Hamid bin Bakal sa-orang pegawai Jabatan Ugama telah memberikan sharahan mengenai peristiwa awal Muharram itu.

Satu tayangan film oleh Bahagian Penerangan Jabatan Hal Ehwal Ugama juga diadakan di-akhir majlis itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 18 Mach 1970 hingga ka-hari Selasa 24 Mach 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
18 Mach		12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10 6-25
19 Mach		12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10 6-25
20 Mach		12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10 6-25
21 Mach		12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09 6-23
22 Mach		12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09 6-23
23 Mach		12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09 6-23
24 Mach		12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09 6-23

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

18 Mach, 1970.

KEBERSEHAN

LEMBAGA Bandaran sekarang ini sedang melancarkan kempen bagi menjaga kebersihan Bandar Brunei.

Tuan2 punya tanah dan rumah2 di-kawasan bandaran telah di-gesa supaya membersehan kawasan tanah dan rumah mereka.

Penjaja2 di-pasar2 kawasan bandaran termasuk pasar daging, ikan dan sayur2an di-minta supaya membersehan kawasan masing2. Jika peraturan2 dan kehendak2 untuk membersehan dan menjaga kebersihan itu telah di-dapati tidak di-patohi, maka mereka yang terlibat akan di-dakwa dan jika keadaan memaksa, maka tindakan tegas untuk membatalkan lesen2 mereka mungkin akan di-laksanakan.

Kenyataan ini telah di-kuatkan oleh Pengerusi Lembaga Bandaran Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim dalam satu siaran khas.

Seluruh raayat yang menchin-tai kebersihan dan ingin meli-hat supaya kebersihan itu sentiasa terpelihara khasnya di-kawasan2 bandaran telah meng-alu2kan langkah Lembaga Bandaran itu atas sifat tegasnya terhadap pehak2 yang degil yang tidak bagitu mengindah-kan soal kebersihan di-kawa-san2 mereka. Ketegasan yang dapat di-lihatkan oleh Lembaga Bandaran itu ia-lah pada melak-sanakan undang2 Lembaga Bandaran yang mengkehendaki semua penduduk2 di-mana2 tanah dan rumah atau yang pu-nya tanah dan rumah yang tidak di-diami dalam kawasan bandaran supaya mengusaha atau menjaga kebersihan supaya tidak mengganggu kepada jiran2 yang tinggal berhampiran atau mendatangkan bahaya di-segi kesihatan awam.

Langkah mendakwa atau pun membatalkan lesen2 kepada penjaja2 yang degil dari menjaga kebersihan di-kawasan2 mereka itu ada-lah satu langkah yang bijaksana dan dapat menimbulkan kesan yang baik bagi harapan2 untuk melihat kawasan bandaran kita sentiasa bersehan dan menyamakan pandangan bukan hanya oleh penduduk2 tempatan bahkan dari orang2 luar.

Rasa-nya tidak-lah payah untuk di-huraikan mengapa langkah2 kebersihan ini telah di-laksanakan oleh Lembaga Bandaran, kerana hampir semua orang di-negeri ini tahu akan perlu-nya keadaan bersehan itu dalam sa-sabuh bandar, lebeh2 lagi bandar2 dalam sa-buah negara yang sedang membangun. Dan bagitu juga perlu-nya kebersihan itu sentiasa di-jaga di-segi kesihatan awam.

Maka tidak shak lagi bahawa kempen kebersihan dengan di-seriai pelaksanaan-nya yang penuh hati2 dan jujur itu akan memperolehi kejayaan yang besar dan peraturan2 yang di-kenakan ka-atas penjaja2 baik di-pasar2, kedai2 dan rumah2 di-kawasan2 bandaran itu akan sentiasa di-patohi, kerana jika tidak di-patohi berarti meng-anaya diri mereka sendiri.



Y.B. Pehin O.K. Di-Gadong Dato Seri Setia Awang Haji Md. Yusof di-samout oleh keluarga beliau. Turut menyambut beliau termasuklah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota dan Y.B. Pehin O.K. Maharaja Di-Raja — Gambar BP/JHEU.

Nampak-nya jemaah2 haji ini tidak sabar2 lagi hendak berjumpa dengan keluarga2 mereka di-rumah.



Keluarga2 jemaah haji sedang memilih barang masing2.



Barang2 jemaah2 haji di-pereksa satu persatu oleh pegawai2 kastam.

SELAMAT PULANG KA-TANAH AYER



JEMAAH2 haji Brunei telah selamat pulang ka-tanah ayer dengan di-sambut oleh keshukoran dan kegembiraan di-kalangan sanak saudara dan sahabat handai mereka.

Di-rumah2 jemaah2 haji itu masing2 telah mengadakan majlis2 doa selamat dan berzikir keshukoran atas sempurna-nya mereka menunaikan rukun Islam yang ke-lima itu dan pulang ka-tanah ayer dalam keadaan sihat walafiat.

Jemaah2 haji yang menaiki kapal laut telah sampai ka-tanah ayer pada petang 15 Mach, sementara yang menaiki kapal terbang selamat pulang pada 16 Mach.

Sa-ramai 244 orang jemaah2 haji Brunei telah menaiki kapal laut pada tahun ini dan dari jumlah itu sa-orang telah meninggal dunia dan di-kebumikan di-laut. Beliau ia-lah Allahyarham



Hajjah Dayang Damit binte Md. Yusof Johan Qariah Negeri Brunei tahun 1966. — Gambar BP/JHEU.



Haji Saman bin Mena dari Kampong Tanah Jambu, Jalan Muara. (Cherita lanjut mengenai Allahyarham itu di-siarkan di-muka 8.).

Sementara itu, jemaah2 haji yang menaiki kapal terbang ia-lah sa-ramai 105 orang dan selamat pulang ka-tanah ayer dengan empat penerbangan dari Labuan.

Penerbangan pertama, kedua dan ketiga telah sampai di-lapangan terbang Berakas menurut jadual, tetapi penerbangan yang ke-empat telah lewat kira2 2 jam. Gangguan ini ia-lah di-sebabkan oleh sedikit kerosakan yang terdapat pada kapal terbang yang mengangkut jemaah2 haji itu dari Labuan. Di-antara jemaah2 haji dalam penerbangan yang ke-empat itu termasuklah Pengarah Dewan Basaha dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja, Dato Utama, (Dr.) Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri dan isteri beliau.

Berikutan dengan terjadi-nya wabak kolera di-daerah Brunei/Muara dalam bulan Januari yang lalu, jemaah2 haji Brunei yang menaiki kapal terbang telah terganggu perjalanan mereka, kerana sa-belum meninggalkan tanah ayer, mereka terpaksa menjalani pengasingan sa-lama lima hari terlebih dahulu. Ini ada-lah merupakan pengalaman yang pertama bagi jemaah2 haji Brunei sa-jauh ini.

Antara yang mengalu2kan ketibaan jemaah2 haji itu termasuklah Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kemaluddin, pegawai2 kanan Jabatan Ugama, jawatankuasa penasihat haji dan pegawai2 dari shariat pelancongan Kalimantan yang menguruskan Penerbangan2 jemaah2 haji itu.

Gambar2 DBI dan BP/JHEU yang di-siarkan di-halaman ini ia-lah semasa ketibaan jemaah2 haji itu di-Lapangan Terbang Berakas dan di-Tambatan Kastam Di-Raja Bandar Brunei.



Yang pulang dari Mekah senyum bersukor, yang menanti di-tanah ayer debar gembira. — Gambar BP/JHEU.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kemaluddin mengucapkan selamat pulang ka-tanah ayer kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja, Dato Utama Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.



Di-rumah masing2 jemaah2 haji di-sambut dengan do'a selamat dan ziarah berziarah antara yang datang dan yang menanti.



Pehin Udana Khatib Haji Awang Tamin dan Haji Awang Kassim bin Abdul Ghani turun dari kapal terbang.



Ini aji gembira kerana bertemu kembali dengan anak2 dan chuchu2 yang di-kasehi.

DALAM keluaran dua minggu yang lalu kami telah mengutarakan perkembangan sekitar perhutanan dan dalam keluaran kali ini pula para pembaca akan dapat mengikuti perkembangan sekitar pelajaran — urat nadi perkembangan dan pembangunan sa-sebuah negara yang sedang membangun sekarang. Dapatlah di-katakan dalam rumusan yang pendek bahawa pelajaran ada-lah sa-bagai tahap ka-arrah kesedaran dan pembangunan sa-sebuah negara.

Oleh kerana bidang pelajaran ini mempunyai perkembangan yang luas, renchana ini kami bahagikan kepada pelbagai chawangan bidang perkembangan pelajaran. Dalam renchana ini jadi-nya dan beberapa siri yang berikut-nya kami akan menyorot perkembangan beberapa aliran pelajaran dalam tahun 1968 yang di-padankan dari Laporan Tahunan Negeri 1968 dan Laporan Tahunan 1967 yang di-usahkan oleh Jabatan Pelajaran sendiri. Dalam renchana ini hanya di-sorotan perkembangan pelajaran chuma berkisar sekitar pelajaran rendah dan menengah aliran Melayu.

Hampir keseluruhan sekolah2 di-biayai oleh Kerajaan dan semua-nya di-bawah pentadbiran Kerajaan. Sekolah2 rendah Melayu, bermula dari darjah satu hingga ka-darjah enam. Kebanyakan sekolah2 rendah di-kampung tidak mengadakan darjah2 sa-hingga darjah enam kerana kekurangan guru. Selalu-nya mereka ini meneruskan pelajaran ka-sekolah2 rendah pusat dengan di-berikan beberapa kemudahan, seperti kenderaan perchuma dan alaan sa-banyak \$45.00 sa-bulan. Dari jumlah 98 buah sekolah rendah Melayu hingga tahun 1968, 41 buah di-antara-nya melanjutkan darjah2 hingga darjah VI, 45 buah daripada-nya melanjutkan hingga Darjah V, 9 hingga Darjah IV, 2 hingga darjah III dan sa-buah hingga darjah II.

Dalam tahun 1968 bilangan murid2 yang memasoki sekolah rendah Melayu agak berkurangan jika di-bandingkan dengan jumlah kemasokan 16,630 murid dalam tahun 1967, tapi dalam tahun 1968 kemasokan murid2 baru itu chuma berjumlah 16,194 yang terdiri dari 8,317 murid lelaki sementara 7,877 murid perempuan.

BANGUNAN SEKOLAH

Sa-banyak lima buah sekolah telah dapat di-siapkan dengan ke-lengkapan-nya semanjak tahun 1967. Sekolah2 tersebut ia-lah Pusu Ulag, Amar Pahlawan, Subok, Sungai Besar dan Labu. Dari tambahan sajumlah lima buah sekolah itu sa-buah lagi sekolah rendah baru telah di-dirikan untuk anak2 askar Melayu Di-Raja Brunei sejak bulan Januari tahun 1967. Di-samping itu sa-banyak 11 buah sekolah juga telah siap di-bena dengan tambahan-nya. Menurut ranchangan, kampung2 pendalaman di-

galakkan mendirikan sekolah2 sementara dengan bantuan Jabatan Pelajaran. Wang2 bantuan telah di-keluarkan oleh jabatan tersebut antara \$1,000 hingga \$6,000 bagi tiap2 buah sekolah.

Masaalah besar yang mengganggu kepesatan ranchangan tersebut ia-lah dalam mengatasi bilangan murid2 yang penoh sesak. Memandang kepada perkara ini, sa-banyak 13 buah sekolah rendah terpaksa mengadakan sekolah mereka di - sebelah petang. Hal ini juga menyebabkan banyak sekolah2 di-luar bandar mempunyai bilangan murid2 yang melebihi 40 orang dalam satu darjah dan terpaksa di-ranchangkan bangunan tambahan.

MASAALAH GURU

Satu lagi masaalah di-Jabatan Pelajaran ia-lah kekurangan guru2 yang terlatah di-sekolah2 rendah Melayu. Dan dengan ada-nya ranchangan latehan baru yang di-jalankan pada awal tahun ini, di-jangka pada akhir tahun 1970, semua guru2 yang dalam latehan akan mendapat latehan sa-chukop-nya. Mengikut ranchangan ini sa-ramai 400 orang guru yang dalam latehan akan di-hantar ka-sekolah2 mengajar pada sebelah pagi dan menghadhiri kuliah2 mereka di-Maktab Latehan Perguruan pada sebelah petang-nya. Kursus sa-umpama ini diadakan selama dua tahun.

MENENGAH MELAYU

Pada awal tahun 1967, kerja2 dan pentadbiran bagi pelajaran menengah Melayu telah di-susun semula. Pusat2 yang mengadakan darjah2 menengah tersebut ia-lah Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei yang mempunyai 26 kelas, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam yang mempunyai 45 kelas dengan Tingkatan 1 dan 2, Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong yang mempunyai 18 kelas untuk tingkatan 1, 2 dan 3, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dengan 11 kelas untuk tingkatan 1, 2 dan 3, Sekolah Melayu Muhammad Alami, Seria de-

ngan 5 kelas untuk tingkatan 1 dan Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar dengan 4 kelas untuk tingkatan 1 dan 2. Penuntut2 di-seluruh sekolah2 menengah dalam negeri, berjumlah 3,419 dengan pertambahan 25.9 peratus di-bandingkan dengan tahun 1967.

Semua cabang2 sekolah2 menengah di-Tutong, Temburong, Seria dan Kuala Belait ada-lah di-bawah arahan langsung dari Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Melayu Pertama Pusat. Guru2 Besar sekolah2 menengah itu berhubung rapat, terutama sekali mengenai sukatan pelajaran, ranchangan2 mata pelajaran, penetapan waktu bagi satu2 pelajaran, tentang buku2 teks, peperiksaan penggal dan sekitar kawalan dan pentadbiran. Semua-nya ini di-tetapkan oleh guru2 besar yang mengadakan mashuarat-nya sa-tiap bulan.

Ada dua masaalah yang ber-ekoran dari perkembangan pesat dalam kemasokan pelajar2 di-sekolah2 menengah ini. Masaalah2 yang ber-ekoran itu ia-lah masaalah penempatan dan kekurangan guru2. Beberapa bangunan untuk SMMP berhampiran dengan Bandar Brunei di-persetujui untuk di-bena dan kerja2 ka-arrah itu telah di-mulakan dalam tahun 1967. Bangunan ini di-bena untuk menempatkan kira2 2,000 penuntut lepasan LCE sahaja. Sementara bangunan yang sekarang, di-tempatkan untuk tingkatan2 satu hingga tingkatan 3. Dan masaalah yang tidak kurang penting-nya ia-lah kekurangan guru2 berkelayakan untuk mengajar di-sekolah2 menengah terutama sekali dalam mata2 pelajaran bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains.

Ada tiga langkah yang telah di-ambil untuk mengatasi kekurangan guru2 ini. Pertama — dengan mengambil guru2 luar yang berkelayakan; kedua — dengan mengalakkan dan memberikan kemudahan kepada guru2 untuk belajar hingga dapat memasoki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia peringkat biasa dalam aliran Melayu dan ketiga — dengan menghantar guru2 melanjutkan pelajaran ka-seberang laut.

Di-samping usaha2 ini Jabatan Pelajaran telah menghantar beberapa orang guru keluar negeri mengambil kursus2 tertentu semanjak tahun 1967, enam daripada - nya menghadhiri latehan guru sa-tahun di-Maktab Perguruan Bahasa, sementara sembilan orang ka-United Kingdom.

Walau pun menghadapi kekurangan guru2 yang berkelayakan, hampir semua mata pelajaran dapat di-ajarkan di-sekolah menengah. Chuma mata2 pelajaran seperti pertukangan kayu, pertukangan logam dan latehan jasmani masih belum dapat di-ajarkan di-sekolah2 itu. Sementara mata pelajaran urusan rumah tangga untuk penuntut2 perempuan setakat ini chuma di-adakan di-Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong.

Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang diadakan buat pertama kali-nya dalam tahun 1968 di-Sekolah Menengah Melayu Pertama mendapat keputusan seperti berikut:

Dari 42 calon Sijil Pelajaran Malaysia itu — 4 memperoleh pangkat II, 10 orang calon memperoleh pangkat III dan 14 orang calon memperoleh Sijil Umum. Sementara calon2 untuk memasoki Sijil Rendah Pelajaran semakin bertambah jika di-bandingkan dengan jumlah calon yang memasoki dalam tahun 1967. Pertambahan calon2 untuk mengambil peperiksaan SRP tahun 1968 itu bertambah sa-banyak 71.9 peratus. Pertama bilangan calon ini sentiasa di-harapkan bertambah sa-tiap tahun. Pertambahan jumlah calon yang lulus dengan chemerlang-nya.

Harapan kita banyak bergantung ka-atas pertambahan guru2 yang berkelayakan, mutu pelajaran yang bertambah, pertambahan bagunan untuk penuntut2 yang tentu-nya bertambah tahun demi tahun dan sa-terus-nya kemantapan pentadbiran di-sekolah2 dan Jabatan yang berhubung rapat dengan rangka-kerja dan gerak-kerja untuk perkembangan pelajaran di-negeri Brunei yang sedang membangun ini.

PERKEMBANGAN PELAJARAN RENDAH DAN MENENGAH MELAYU

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-PEJABAT MUZIUM

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Muzium, Brunei.

a) PEMBANTU PENGAWET BENTOK BINATANG (3 kosong)

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 18 hingga 25 tahun.
- Mesti-lah lulus L.C.E. sama ada dalam aliran Melayu atau Inggeris dengan mendapat kelulusan dalam mata-pelajaran Lukisan.
- Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat di-sebuah pejabat muzium dan mempunyai pengalaman yang di-perlukan juga di-beri pertimbangan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2 EB3 — 210 x 10 — 270 x 15 — 360/EB/

380 x 20 — 480.

b) PENYAMBUT/TALIPON OPERATOR

Kelayakan2:

- Pemohonan2 mesti-lah pe-rempuan dan berumur antara 18 hingga 25 tahun.
- Mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I Inggeris dan Darjah VII Melayu.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman sa-bagai Penyambut/Talipon Operator.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

c) ATENDAN DEWAN (3 kosong)

Kelayakan2:

- Pemohonan2 mesti-lah ber-umur 25 hingga 40 tahun.
- Mesti-lah lulus Darjah VI Melayu atau yang bera-amaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1 2-3-4

EB5 — \$160 x 5 — 240/EB/250 x 10 — 270.

d) TUKANG KEBUN/PEMBERSEH (2 kosong)

Pemohon2 mesti-lah berumur antara 25 hingga 35 tahun.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya akan bertanggung-jawab bagi menjaga kebersihan kawasan bangunan Mu- zium dan taman.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1 EB2 — \$160 x 5 — 175/EB/180 x 195.

e) PENJAGA MALAM (1 kosong)

Pemohonan2 mesti-lah berumur antara 30 hingga 40 tahun.

Tugas2:

Chalun yang berjaya akan di-kehendaki bekerja dari jam 5 petang hingga 7 pagi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1 — \$160 x 175.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Per-jawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 31 Mach, 1970.

Sa-bagai Kerani Tingkatan 'B'

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Kerani Tingkatan 'B' dalam Perkhidmatan Ke-rani2 Kerajaan Brunei.

Kelayakan:

Chalun2 yang di-antek mesti-lah sudah mencapai umur 17 tahun lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sa-banding.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 270 x 15 — 315/EXAM BAR/330 x 15 — 360 — x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji per-mulaan bergantung kepada kelaya-kan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Per-jawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 28 Mach, 1970.

Sa-bagai Pembantu Makmal

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pembantu Makmal di-Jabatan Pelajaran, Brunei, satu jawatan bagi tiap2 Sekolah Pertu-angan yang berikut:-

- Sekolah Pertukangan Ban- gunan, Brunei.
- Sekolah Pertukangan Ke- juruteraan, Kuala Belait.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran.

Tugas2:

- Menjaga barang2 dalam sim- panan makmal. Menyedia- kan barang2 untuk perchu- baan (experiments). Mem- perbaiki dan memelihara alat2 makmal dan workshop dan lain2 tugas sebagaimana yang di-fikirkan perlu oleh Pengetua sekolah itu.
- Menjadi Pembantu 'Am kepada Guru2 Pertukangan di-dalam Makmal/Work- shop. Menyediakan bahan2 dan alat2 untuk kegunaan darjah. Bertanggung-jawab supaya alat2 di-simpan da- lam keadaan baik. Lain2 tu- gas sebagaimana yang di- fikirkan perlu oleh Pengetua sekolah itu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4

— \$210 x 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalun2 yang berjaya yang bu- kan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sechara berkontrek selama 6 bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

BAKSIS:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sechara berkontrek, baksis sa-banyak 12½ daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan enap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di- buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhid- matan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang bo- leh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan sa- linan surat2 aukan dan sijil2 ka- pada Setia Usaha Kerajaan, Peja- bat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Mach 1970

SA-BAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelaya- kan untuk di-lantek sa-bagai Ke- tua Pembantu Teknik (Radio) di- Jabatan Talikom, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 hendak-lah mempunyai kelulusan hingga ka-perengkat City and Guilds of London Institute Final Certificate in Telecommu- nications tetapi chalun2 yang mem- punyai pengalaman praktik yang luas dan kebolehan terbukti akan lebih di-utamakan. Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman praktik selama sekurang2-nya 7 tahun dalam bidang pentadbiran talikom atau yang sama dan mem- punyai pengalaman yang luas da- lam alat2 radio H.F. dan V.H.F. Mempunyai pengetahuan tentang alat2 U.H.F. akan merupakan satu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C3 EB 4 — \$930 x 30 — 1050/EB/1080 x 30 — 1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengala- man.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-

lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchu- baan selama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama, bagi chalun yang berjaya yang menjadi raayat D.Y.Y.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tem- poh perchubaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan enap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhid- matan boleh di-dapati daripada Pe- gawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan sa- linan surat2 aukan dan sijil2 ka- pada Setia Usaha Kerajaan, Peja- bat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 24 Mach, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Ingatan lalu lintas di-kuala Sg. Kianggeh

BANDAR BRUNEI. — Semua pemilek2 dan pemandu2 moto sangkut dan kenderaan di-ayer ada-lah di-ingatkan bahawa kerja2 kejuruteraan awam berhubung dengan pembenaan saloran najis di-Bandar Brunei sedang di-jalankan di-laut kuala Sungai Kianggeh berhampiran dengan jambatan Jalan Residency.

Kerja2 kejuruteraan ini termasuk membena Coffor Dam dengan memaikan keping2 besi waja kapada separoh dari Kuala Sungai Kianggeh dan mengorek lobang yang dalam di-dasar sungai tersebut untuk meletakkan saloran najis tersebut.

Apabila saloran najis itu di-letakkan melintang separoh dari-pada sungai itu, Coffor Dam itu akan di-alehkan dan di-bena semula pada separoh kedua yang belum di-korek untuk menyiapkan kerja2 meletakkan saloran itu.

Kerja2 kejuruteraan ini akan berjalan selama lebih kurang enam bulan dan separoh daripada kawasan lalu lintas Sungai Kianggeh akan di-tutup pada masa tersebut.

Pada malam hari dan chuacha gelap lampu2 merah akan di-letakkan pada tepi Coffor Dam tersebut pada jarak 20 kaki tiap2 satu kapada kedua2 hujung-nya.

Semasa kerja2 itu di-jalankan semua pemilek2 moto sangkut dan kenderaan di-ayer yang melalui kawasan Coffor Dam itu mesti-lah berhenti dan berjalan dengan perlahan2.

Pengkajian sejarah dan kebudayaan

Dengan ini di-maklumkan kapada penduduk2 Kampong Ayer bahawa Muzium Brunei sedang menjalankan Pengkajian Sejarah dan Kebudayaan Kampong Ayer mengenai Adat Istiadat Perkahwinan, Hal2 Keluarga dan Gelaran2-nya, Hal2 Ekonomi, Pelajaran dan Sosial yang bersangkutan dengan Sejarah Kampong Ayer dengan menghantar para penyelidik-nya untuk menemu-duga dan juga mengemukakan soalan2 kapada penduduk2 Kampong Ayer.

Hasil pengkajian itu nanti akan di-tulis dan akan di-terbitkan dalam Brunei Muzium Journal untuk bahan bacaan dan rujukan.

Penduduk2 Kampong Ayer ada-lah di-pinta supaya memberi kerjasama untuk memberi segala maklumat yang di-kehendaki oleh penyelidik2 yang ditugaskan itu.



Anayamuda Haji Awg. Saman

Kedai2 di-kg. Perpindahan akan di-sewakan

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim berkata, bangunan kedai sepuluh pintu Kampong Jaya Setia dan Jaya Bakti di-kawasan perpindahan Jalan Berakas, akan di-sewakan tidak berapa lama lagi.

Kata-nya, kedai2 itu akan di-sewakan kapada penduduk bangsa Melayu raayat Brunei yang diam di - Kampong Jaya Setia, Jaya Bakti, Kampong Burong Pinggai Berakas dan yang tinggal di-kawasan tersebut serta persatuan2 kampung dalam lingkungan kampung2 itu.

Beliau berkata, kedai2 itu akan di-sewakan untuk menjalankan perniagaan bagi menjual barang2 runchit, kedai kain, kedai makan atau restaurant, kedai minum, tukang jahit dan kedai tukang gunting.

Semua permohonan hendak-lah di-hantarkan kapada Pegawai Daerah Brunei dan Muara tidak lewat 31 Mach ini, jam 4.00 petang. Permohonan2 yang lewat dari tarikh dan masa yang di-tetapkan tidak akan di-layan.

Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman juga berkata, permohonan2 yang telah memohon dan mengirinkan surat-nya kapada jabatan itu di-nasihatkan supaya memohon semula.

Kata-nya, mereka yang ingin memohon hendak-lah memilih salah satu jenis perniagaan yang di-maksudkan dan hendak-lah di-tulis di-sebelah atas surat permohonan itu.

Sharat2 bagi orang yang menyewa kedai2 ini ia-lah:-

a) Bangunan itu mesti-lah digunakan untuk perniagaan yang halal;

b) Bayaran2 lisen mesti-lah di-bayar mengikut peraturan yang berjalan kuat kuasa-nya dari satu masa ka-satu masa, yang di-keluarkan oleh Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Brunei.

c) Sewa, yang boleh di-buat perubahan-nya sa-lepas delapan tahun, hendak-lah di-bayar pada tiap2 bulan sa-banyak 0.7% daripada harga bangunan. Sewa itu terdiri dari perkara2 yang berikut:-

i) Pengena'an sewa pokok (basic charge) sa-banyak 0.5% daripada harga bangunan;

ii) Pengena'an kerana pemeliharaan sa-banyak 0.25% daripada harga bangunan;

d) Kedai2 ini akan di-sewakan selama empat tahun bagi sekali penyewa'an;

e) Sa-orang penyewa tidak di-benarkan memindah milek atau menyewakan atau mengamanatkan kedai itu atau bahagian kedai itu kapada sesiapa jua pun denan tidak mendapat kebenaran dari-

pada Jawatan-Kuasa Pengurus;

f) Sa-orang penyewa tidak di-benarkan membuat apa2 pindaan atau tambahan, sama ada di-bahagian dalam atau pun luar, kapada bangunan itu dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Jawatan Kuasa Pengurus;

g) Sa-suatu kerosakan ka-atas bangunan yang di-sebabkan oleh kekhuaian pehak penyewa hendak-lah di-perbaiki-nya dengan perbelanja'an-nya sendiri;

h) Tiap2 penyewa di-kehendaki membayar sewa pendahuluan bagi sewa tiga bulan. Kemudian dari itu, sewa hendak-lah di-bayar sambilan terlebih dahulu pada tiap2 bulan;

i) Sa-suatu kerosakan kapada alat2 elektrik dan paip seperti pal lampu atau kepala paip dan lain-lain, hendak-lah di-tanggung oleh si-penyewa.

j) Segala bayaran bagi pengena'an api elektrik dan ayer akan di-tanggung oleh si-penyewa masing2;

k) Sa-seorang penyewa yang hendak memberhentikan perniagaan-nya di-kehendaki memberi tahu tiga bulan terlebih dahulu dengan bertulis;

l) Sa-seorang penyewa itu di-kehendaki memelihara bangunan sewa'an-nya dengan bersekh dan terator sa-panjang masa.

Sa-seorang penyewa yang tidak mematuhi dengan sharat2 yang di-sebutkan dalam perenggan 3 diatas, boleh di-berhentikan penyewa'an-nya sa-sudah ia-nya di-beri tahu tujuh hari dan dalam masa itu ia-mesti-lah mengeluarkan kesemua barang2-nya.

Butir2 yang lanjut boleh didapati di-Jabatan ini.

Kursus pertanian Menengah dan bagi kampong2 Bukit Sulang

BANDAR BRUNEI. — Pen-sharah2 dan pengajar2 dari Jabatan Pertanian akan memulakan kursus bagi peladang2 di-kampong2 dalam bulan hadapan.

Pen-sharah2 dan pengajar2 itu akan memulakan kursus pertama bagi tahun ini pada 13 April apabila mereka melawat Kampong Menengah/Bukit Sulang di-Daerah Tutong untuk mengandalikan satu kursus mengenai pertanian bagi peladang2 di-kawasan itu.

Kursus itu akan berjalan selama sa-minggu.

Semasa kursus itu pengajar2

Sa-orang jemaah haji meninggal dunia

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang jemaah haji Brunei, Haji Awang Saman bin Mina berumur 60 tahun dari Kampong Tanah Jambu, Jalan Muara telah meninggal dunia petang Sabtu lepas.

Allahyarham Haji Awang Saman meninggal dunia dalam kapal Haji Anshun2 semasa kapal itu belayar kira2 lima jam sa-telah meninggalkan Kuching menuju ka-Labuan, Jenazah allahyarham itu di-kebumikan di-laut semasa dalam pelayaran itu.

Allahyarham itu pernah menunaikan fardhu haji beberapa tahun lalu dan tahun ini allahyarham di-temani oleh isteri dan dua orang anak-nya.

Mengikut sumber2 yang layak di-perchayai menyatakan bahawa allahyarham itu mengidap penyakit buah pinggang dan penyakit-nya itu tambah kuat apabila bertolak meninggalkan Jeddah.

Apabila kapal Haji Anshun hampir tiba di-Kuching, kawat telah di-hantar dari kapal itu kapada pehak yang berkuasa di-Kuching yang menyatakan sa-orang jemaah haji sakit kuat.

Kereta sakit yang di-lengkapkan dengan pegawai-nya telah sedia menunggu di-tambahan Kuching untuk membawa pesakit itu karumah sakit Kuching.

Tetapi isteri allahyarham itu enggan membenarkan suami-nya dimasukkan ka-rumah sakit itu dan meminta supaya allahyarham itu di-bawa pulang ka-Brunei.

Sekali lagi kawat telah di-hantar kapada pehak yang berkuasa di-Labuan dan ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei yang menyatakan beliau sedang sakit kuat.

Langkah2 segera telah di-ambil oleh pehak Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan bantuan Askar Melayu Di-Raja Brunei bagi menyedai sa-buah helikopter khas untuk menerbangkan beliau ka-Brunei sa-baik2 sahaja kapal haji itu tiba di-Labuan.

Tetapi surat-nya telah tiba dan beliau telah menghembuskan nafas yang akhir dalam pelayaran menuju ka-Labuan.

Sa-belum bertolak ka-Mekah, allahyarham itu telah menjalani satu pembedahan di-Bandar Brunei dan doktor telah menasihatkan beliau supaya membatalkan pegergian-nya tetapi beliau enggan mematuhi.